

09/02/2001

Terserah kepada Filipina siasat wang tebusan

MATLAMAT tidak semestinya menghalalkan cara. Dalam hubungan ini, siri penculikan yang dilakukan oleh kumpulan pemisah Abu Sayyaf dari dua pulau di perairan Sabah tahun lalu juga tidak terkecuali. Kini timbul pula dakwaan bahawa sebahagian besar wang tebusan yang digunakan bagi mendapatkan pembebasan mangsa culik berkenaan dibolot oleh perunding Kerajaan Filipina. Ringkasnya, orang lain yang mendapat keuntungan lumayan daripada kerja keras kumpulan pemisah itu. Dari satu sudut, keadilan terserlah kerana habuan lebih kecil daripada yang sepatutnya mereka miliki seakan-akan suatu bentuk hukuman kepada kumpulan Abu Sayyaf atas jenayah yang mereka lakukan. Apa juga motif sebenar mereka tetap tidak menghalalkan penahanan tebusan selama berbulan-bulan.

Sejak penculikan pertama dari Pulau Sipadan pada 23 April lalu, rundingan bagi pembebasan tebusan membabitkan pelbagai pihak, termasuk Pertubuhan Kebajikan Gaddafi, Libya. Wang tebusan yang dituntut oleh kumpulan Abu Sayyaf juga dilaporkan meningkat daripada serendah 50,000 hingga 70,000 peso (RM4,586 hingga RM6,422) pada awalnya kepada AS\$1 juta (RM3.8 juta) seorang kemudiannya. Malah, pada satu ketika, Libya dilaporkan bersetuju menambah AS\$12 juta (RM45.6 juta) lagi wang tebusan sebagai tambahan kepada AS\$25 juta (RM95 juta) yang dijanjikannya. Kesudahannya, tiada siapa tahu jumlah sebenar wang yang bertukar tangan, meskipun Setiausaha Eksekutif Presiden Filipina, Ronaldo Zamora, mengakui bahawa memang ada kerajaan dan beberapa agensi asing yang membayarnya.

Sambil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempertahankan kerajaan sama sekali tidak terbabit dengan pembayaran pampasan sekalipun tidak menolak kemungkinan ada individu atau pihak tertentu yang berbuat demikian, wang bukan persoalan utama ketika itu. Sebaliknya, keselamatan tebusan menjadi pertimbangan utama. Begitupun, rundingan pembebasan mereka juga tidak mudah kerana orang yang mengetuai perundingan di pihak Filipina juga silih berganti - bermula dengan Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, kemudian Gabenor Wilayah Sulu, Abdusakur Tan, dan kesudahannya Penasihat Presiden, Roberto Aventajado. Ketidaktentuan berkenaan, andainya disorot semula, membayangkan wujud agenda tersembunyi, termasuk daripada pentadbiran Manila sendiri.

Ketika ini, kita sendiri tidak dapat memastikan kesahihan pendedahan Setiausaha Agung Abu Sayyaf, Abu Abdel Aziz, bahawa perunding Kerajaan Filipina membolot sebahagian besar wang tebusan. Kalau pun benar, ia bukan lagi menjadi keutamaan sesudah tebusan dari negara ini - baik yang diculik dari Pulau Sipadan, mahupun tiga lagi yang diculik dari Pulau Pandanan, 11 September lalu - semuanya sudah selamat dibebaskan. Sambil Malaysia bersimpati dengan kemunduran di wilayah selatan Filipina yang terus terabai, pendirian kita kekal untuk tidak mencampuri urusan negara lain. Selebihnya terserah kepada Kerajaan Filipina untuk menyiasat agihan wang tebusan berkenaan, itupun jika perjuangan Abu Sayyaf masih mendapat perhatian sesudah kubu mereka dibedil habis-habisan dalam satu serangan besar-besaran oleh tentera kerajaan September tahun lalu.

(END)